

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kertas Kabinet mengenai pasukan SAR siap Isnin	BERNAMA
2.	Kertas kabinet mengenai pasukan SAR dibentang minggu depan	KOSMO
3.	Kertas cadangan malim gunung minggu depan	Utusan Malaysia
4.	Kertas Kabinet cadang tubuh pasukan SAR Taman Kinabalu siap Isnin depan	The Rakyat Post
5.	SAR team proposal to be submitted next week	New Straits Times
6.	Cabinet paper on new SAR team	The Malay Mail
7.	MOSTI nafi khabar angin tsunami bakal landa Sabah	My News Hub
8.	Get basic practices off the ground	New Straits Times
9.	Gempa: 54 gegaran susulan direkod sehingga semalam	BERNAMA
10.	54 gegaran susulan drekod	Sinar Harian
11.	'Buildings should ne quake-proof'	New Straits Times
12.	Pengurusan risiko hadapai bencana geologi, iklim	Berita Harian
13.	Malim Gunung akan diberi latihan hadapi gempa bumi	Berita Harian
14.	Malim Gunung Kinabalu wira sejati	BERNAMA
15.	Aftershocks may go on for some time	The Malay Mail
16.	Mt Kinabalu quake a wake-up call to all	The Star
17.	Rescue training for guides	The Sun
18.	Kolam, sungai jadi hitam	Berita Harian

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)



Kertas Kabinet Mengenai Pasukan SAR Siap Isnin

PUTRAJAYA, 8 Jun (Bernama) -- Kertas Kabinet mengenai pasukan mencari dan menyelamat (SAR) di Taman Kinabalu yang dicadangkan sebagai persediaan menghadapi kejadian masa akan datang dibentangkan minggu hadapan, kata **ketua setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur.**

Beliau berkata menteri berkenaan Datuk Dr Ewon Ebin, yang juga anggota Parlimen Ranau, telah mengarahkan supaya kertas itu disiapkan menjelang Isnin (15 Jun) supaya dapat dibentangkan kepada Kabinet.

"Ini perkara penting," kata beliau tanpa mendedahkan butir cadangan.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Bengekl mengenai Promosi Penyertaan Sosial Menerusi Dasar-dasar Awam di Malaysia di sini Isnin.

Gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau pada 7.15 pagi hari Jumaat lepas, mengorbankan 16 orang. Dua masih hilang.

Ewon, menurut laporan, akan membentangkan cadangan kepada Kabinet bagi menubuhkan pasukan SAR itu.

Beliau mencadangkan orang paling sesuai dilatih untuk pasukan itu ialah malim gunung yang cukup mengetahui tentang Gunung Kinabalu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)**

Kertas Kabinet mengenai pasukan SAR dibentang minggu depan



PUTRAJAYA – Kertas Kabinet mengenai pasukan mencari dan menyelamat (SAR) di Taman Kinabalu yang dicadangkan sebagai persediaan menghadapi kejadian gempa bumi masa akan datang dibentangkan minggu depan, kata Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Noorul Ainur Mohd. Nur.

Beliau berkata, menteri berkenaan, Datuk Dr. Ewon Ebin, yang juga Ahli Parlimen Ranau telah mengarahkan supaya kertas itu disiapkan menjelang 15 Jun ini

supaya dapat dibentangkan kepada Kabinet.

“Ini perkara penting,” kata beliau tanpa mendedahkan butir cadangan.

Beliau bercakap kepada pemimpin berita selepas melancarkan Bengkel mengenai Promosi Pe-

nyertaan Sosial Menerusi Dasar-Dasar Awam di Malaysia di sini semalam.

Gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggemarkan Ranau pada 5 Jun lalu mengorbankan 16 orang.

Dua lagi masih hilang. – Bernama

AKHBAR ONLINE
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGER) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 9 JUN 2015 (KHAMIS)

Kertas cadangan malim gunung minggu depan

PUTRAJAYA 8 Jun - Kertas cadangan supaya malim gunung dilantik menganggotai pasukan mencari dan menyelamat (SAR) di Taman Kinabalu, Sabah akan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur berkata, pihaknya berharap cadangan ini dapat diluluskan di peringkat Kabinet dengan segera kerana terdapat keperluan mengenainya.

“Kami melihat penubuhan pasukan ini sebagai sesuatu yang mustahak dan perlu dilaksanakan dengan segera. Oleh itu, kertas cadangannya akan disiapkan sebelum mesyuarat Kabinet minggu depan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis Promosi Inklusif Sosial melalui Dasar-Dasar Awam di sini hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin sebelum ini telah mencadangkan supaya pasukan SAR ditubuhkan di Taman Kinabalu sebagai persediaan untuk berhadapan sebarang kejadian tidak diingini yang mungkin boleh berlaku pada masa akan datang.

Ewon yang juga Ahli Parlimen Ranau turut memberitahu bahawa malim gunung yang biasa dengan bentuk muka bumi dan cuaca di Gunung Kinabalu merupakan golongan paling sesuai menganggotai pasukan tersebut.

Selain diberi latihan dan peralatan menyelamat, malim gunung yang menganggotai pasukan SAR turut dicadangkan supaya menerima elauan bulanan.

Sementara itu, Noorul Ainur berkata, pegawai Jabatan Meteorologi dari beberapa negeri telah dihantar membantu rakam sejawat mereka di Sabah untuk menjawab pelbagai persoalan daripada orang ramai mengenai gempa bumi dan gempa susulan yang berlaku di Ranau.

The Rakyat Post™

Kertas Kabinet cadang tubuh Pasukan SAR Taman Kinabalu siap Isnin depan

Kertas Kabinet mengenai pasukan mencari dan menyelamat (SAR) di Taman Kinabalu yang dicadangkan sebagai persediaan menghadapi kejadian bencana pada masa akan datang bakal dibentangkan minggu hadapan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur.

Beliau berkata, menteri berkenaan, Datuk Dr Ewon Ebin, yang juga anggota Parlimen Ranau, telah mengarahkan supaya kertas itu disiapkan menjelang Isnin, 15 Jun ini supaya dapat dibentang kepada Kabinet.

“Ini perkara penting,” kata Noorul Ainur tanpa mendedahkan butir cadangan dalam kertas Kabinet berkenaan.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Bengel mengenai Promosi Penyertaan Sosial Menerusi Dasar-dasar Awam di Malaysia di sini hari ini. Gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang menggemarkan daerah Ranau pada jam 7.15 pagi Jumaat lalu.

Angka rasmi jumlah korban setakat ini 16 orang manakala dua lagi masih hilang. Laporan sebelum ini menyebut Ewon, akan membentangkan cadangan kepada Kabinet bagi menukuhan pasukan SAR itu.

Beliau juga mencadangkan orang paling sesuai dilatih untuk menganggotai pasukan SAR itu ialah malim gunung atau pembantu pendakian yang diketahui memang cukup arif tentang persekitaran Gunung Kinabalu.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 9 JUN 2015 (KHAMIS)



Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur says Meteorological Department officers will be included in the SAR team

SAR team proposal to be submitted next week

PUTRAJAYA: The Science, Technology and Innovation Ministry is submitting a paper to cabinet next week for a search-and-rescue (SAR) team to be set up in Kinabalu Park.

Secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur said the minister, Datuk Dr Ewon Ebin, had requested that the paperwork be completed by June 15.

It was reported that Ewon had proposed that a SAR team consisting of mountain guides be set up for the mountain. He said they should be given specialised training and equipment, and be paid a monthly allowance.

Ewon, who is also Ranau member of parliament, said mountain guides were the best people for the job as they knew the terrain and understood the weather.

Noorul said the team would include Meteorological Department officers who would provide input on earthquakes and related issues.

"On Monday, a war room was set up at the Kota Kinabalu Meteorological Office with officers from the peninsula. The officers will assist and take charge of the war room. A team of officers from the ministry are also there to help out," she said after launching the Promoting Social Inclusion through Public Policies in Malaysia Project.

Cabinet paper on new SAR team

PUTRAJAYA — A Cabinet paper on the proposed search-and-rescue (SAR) team in Kinabalu Park in the wake of the Sabah earthquake is expected to be tabled next week, according to the Science, Technology and Innovation Ministry.

Its secretary-general, Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur, said its minister and Ranau MP Datuk Dr Ewon Ebin had instructed that the paper be completed by Monday.

Ewon is expected to submit the proposal in anticipation of future incidents, and has suggested the mountain guides who know Mount Kinabalu well as the best people for the team.

"This is an urgent matter," Noorul Ainur told reporters after launching a workshop on promoting social inclusion through public policies in Malaysia here yesterday.

An earthquake measuring 5.9 on the Richter Scale shook Ranau at 7.15 am last Friday, causing tremors which were also felt in Tambunan, Tuaran, Kota Kinabalu and Kota Belud.

Sixteen people have been confirmed dead and two are missing. — Bernama



Mosti Nafi Khabar Angin Tsunami Bakal Landa Sabah

KUALA LUMPUR – Kerajaan menafikan khabar angin di media sosial kononnya Tsunami dan ribut kuat dijangka berlaku di Sabah dalam tempoh 36 jam daripada sekarang.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dalam satu kenyataan media turut menafikan pantai sekitar Terengganu dan Pahang akan dilanda ombak besar.

“Dimaklumkan, Sistem Amaran Awal Tsunami nasional yang diselaraskan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) iaitu jabatan di bawah Mosti tidak mengesan sebarang gempa di laut melebihi enam magnitude.

“Malah cuaca dan keadaan laut adalah diramalkan baik. Buat masa ini di Sabah hanya terjadi gempa susulan lemah berikutan kejadian gempa pada 5 Jun lalu,” kata kenyataan itu lewat malam tadi.

Justeru, Mosti meminta orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan yang sahih dari laman web Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) <http://www.met.gov.my> mengenai perkara itu.

Orang ramai boleh juga mendapatkan maklumat melalui mobile web rasmi m.met.gov.my, Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet>, Twitter <https://twitter.com/malaysiamet> atau menghubung MetMalaysia Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

Mosti turut memaklumkan telah menujuhkan ‘War Room’ bertempat di Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat rujukan orang ramai mendapatkan maklumat terkini mengenai status gempa bumi tersebut dan gempa-gempa susulan yang berlaku dengan menghubungi talian 088-413 690 @ 088-413 691. – Mynewshub.cc

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (LETTERS) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 9 JUN 2015 (KHAMIS)

Get basic practices off the ground

I REFER to your report "Be ready to deal with earthquakes" (NST, June 8). How well-prepared are our search-and-rescue (SAR) teams in disaster management?

Australian climber Vee Jin Dumlao has levelled her criticism at the SAR teams for being slow to respond to emergency calls.

The reason that SAR gave was that the helicopter could not land on Mount Kinabalu due to heavy fog in the morning.

Those stranded on the mountain were told they would be evacuated nine hours later the next morning. This has put a dent on the perception of our SAR team's capability to facilitate timely and effective rescue, relief and rehabilitation, which has cost us 16 lives so far. Preparedness is the main way of reducing the impact of earthquake disasters. The government must place priority on community-based preparedness and management, including physical therapy practice management.

This has been a common complaint even during last year's flood in the east coast of the peninsula.

The suggestion by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin

to set up a earthquake monitoring centre that should be a priority for Sabah, which is prone to such natural disaster, is long overdue.

Science Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin has also spoken up on the reactive need to buy an additional 20 earthquake monitoring devices to be installed nationwide. There are currently eight in Sabah, but were they functioning and did they alert the people in advance?

There is a call for planning activities designed to provide permanent protection from natural disasters. This can minimise the risk in the loss of lives and injury can be mitigated with good evacuation plans, environmental planning and design standards that adopt a 10-year plan for natural disaster risk by having standard practice principles and action plans to achieve disaster resilience for our community.

The authorities must waste no time in getting this programme and standard operating practices off the ground.

C. Sathasivam Sitheravellu,
Seremban, Negeri Sembilan

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)



Gempa: 54 Gegaran Susulan Direkod Sehingga Semalam

KUNDASANG, 8 Jun (Bernama) -- Sebanyak 54 gegaran susulan direkodkan Jabatan Meteorologi susulan gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang berpusat di Ranau pada 7.15 pagi Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abd Malik Tussin berkata semua gegaran susulan itu berukuran antara 1.6 hingga 4.5 pada skala berkenaan.

Katanya gegaran berukuran 4.5 direkodkan pada 7.06 malam pada Jumaat.

"Sebenarnya ini keadaan biasa bila berlaku gempa yang sederhana kuat, pasti ada gempa susulan. Cuma kami tidak dapat pastikan berapa lama gempa susulan ini akan berterusan, mungkin boleh jadi sehari atau seminggu dan mungkin berbulan-bulan.

"Kalau mengikut data yang saya perolehi, pada hari pertama iaitu Jumaat sahaja kita lihat ada 30 gegaran susulan, pada hari Sabtu pula 13 gegaran susulan dan semalam 11 gegaran," katanya kepada Bernama di pusat operasi gempa di Taman Kinabalu di sini, hari ini.

"Memang sebenarnya kita tidak menjangka begini banyak susulan, kami juga tengah cuba mencari punca berlakunya gempa bumi ini," katanya.

Beliau turut ditanya sama ada gempa lebih besar boleh berlaku berbanding gempa utama.

"Berdasarkan kepada sejarah gempa bumi di seluruh dunia, berkemungkinan berlaku gempa lebih besar daripada gegaran utama namun kebarangkaliannya terjadi agak kecil, antara 5 hingga 10 peratus sahaja," katanya.

-- BERNAMA

GEMPA BUMI LANDA SABAH

54 gegaran susulan direkod

KUNDASANG - Sebanyak 54 gegaran susulan direkodkan Jabatan Meteorologi selepas gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang berpusat di Ranau pada jam 7.15 pagi, Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abd Malik Tussin berkata, semua gegaran susulan itu berukuran antara 1.6 hingga 4.5 pada skala berkenaan.

Katanya, gegaran berukuran 4.5 direkodkan pada jam 7.06 malam pada Jumaat.

"Sebenarnya ini keadaan biasa bila berlaku gempa yang sederhana kuat, pas-

ti ada gempa susulan. Cuma kami tidak dapat pastikan berapa lama gempa susulan ini akan berterusan, mungkin boleh jadi sehari atau seminggu dan mungkin berbulan-bulan.

"Kalau mengikut data yang saya perolehi, pada hari pertama iaitu Jumaat sahaja kita lihat ada 30 gegaran susulan, pada Sabtu pula 13 gegaran susulan dan semalam 11 gegaran," katanya di pusat operasi gempa di Taman Kinabalu, semalam.


"Memang sebenarnya kita tidak menjangka begini banyak susulan, kami

juga tengah cuba mencari punca berlakunya gempa bumi ini," katanya.

Beliau turut ditanah sama ada gempa lebih besar boleh berlaku berbanding gempa utama.

"Berdasarkan kepada sejarah gempa bumi di seluruh dunia, berkemungkinan berlaku gempa lebih besar daripada gegaran utama namun kebarangkaliannya terjadi agak kecil, antara 5 hingga 10 peratus sahaja," katanya. - Bernama

Bongkah batu yang runtuh selepas berlaku gempa bumi.



KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 9 JUN 2015 (KHAMIS)

'Buildings should be quake-proof'

KUALA LUMPUR: Buildings that are to be reconstructed in Ranau, Sabah, should take on a seismic-resistant approach following the 5.9 magnitude earthquake last week.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Associate Professor Norhayati Abd Hamid said it was important that the redesigning, repair and retrofit of the buildings be earthquake-proof.

"After the earthquake, the structure of the buildings have weakened. Should an earthquake hit again at a magnitude of seven or eight, the buildings would collapse and the damage would be extensive.

"It is important that proactive and pre-emptive steps are taken, and a stronger foundation is incorporated into the repair work," she told the *New Straits Times* yesterday.

Norhayati welcomed the setting up of 20 seismic stations by year-end to detect tremors. She described it as a good move as it provided a wider platform for the detection of ground movement of fault lines.

"The presence of seismic stations would give us information, such as the epicentre, velocity and displacement of the earthquake," said Norhayati.

Universiti Malaya Department of Geology senior research fellow Dr John Kuna Raj said there was no real technology that could predict when an earthquake might occur.

Though Malaysia was out of the Ring of Fire where earthquakes were rare, he said one could not discount its possibility, referring to a minor incident, which took place near Genting Highlands in 2006.

"However, that cannot be compared to the Ranau earthquake," he said.

It was reported in Bernama yesterday that 20 more seismic stations would be placed all over Malaysia by year-end.

Seven would be in Sabah, the Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail was quoted as saying.

Four strong motion seismic stations would be located in Keningau, Sandakan, Kota Belud and Kota Kinabalu, while three weak motion seismic stations would be set up in Ranau, Semporna and Lembah Danum. This was in addition to the existing 44 stations nationwide, with eight in Sabah.

Universiti Kebangsaan Malaysia geologist Associate Professor Dr Tajul Anuar Jamaluddin was quoted as saying that the seismic stations could detect and measure the magnitude of tremors in a certain area and were capable of detecting shocks caused by seismic waves on the earth's crust.

Tajul had said there was no equipment or system that could forecast an earthquake.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 9 JUN 2015 (KHAMIS)

Pengurusan risiko hadapi bencana geologi, iklim

*Pusat kajian
UKM sesuai
diberi mandat
laksana
tugas berkaitan*

Gempa bumi yang berlaku di barat laut Ranau bermagnitud 5.9 pagi Jumaat lalu, bukan suatu fenomena alam luar jangkaan. Sebelum ini beberapa gempa bumi berskala sederhana berlaku di kawasan hampir sama, umparannya pada tahun 1976 bermagnitud 6.2 (terbesar pernah direkodkan) dan pada tahun 1991 bermagnitud 5.1. Soalnya, apakah masyarakat Malaysia mengetahui negeri Sabah berada dalam zon gempa bumi berskala sederhana? Dan apakah impaknya kepada mereka?

Gempa bumi kali ini luar biasa kerana pusatnya berhampiran Gunung Kinabalu dan berlaku pada jam 7.15 pagi. Tambahan pula, ini kali pertama gempa bumi yang berlaku di bumi Malaysia menyebabkan nyawa terkorban. Lapan belas orang terkorban, 14 daripadanya rakyat Malaysia, dan masing-masing seorang dari Singapura, Filipina, China dan Jepun. Saya mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban.

Cerun kurang stabil

Gunung Kinabalu adalah gunung yang masih muda, terbentuk daripada cerun batuan yang curam dan lampau curam. Dalam keadaan biasa (tanpa gegaran), batuan jatuh berlaku dari semasa ke semasa kerana kebanyakannya cerunnya berkeadaan kurang stabil. Mereka yang mendaki Gunung Kinabalu dapat melihat banyak bongkah lepas dan ada yang terkumpul di kawasan lereng menandakan bekas batuan jatuh, pada masa silam.

Kejadian berlaku pada jam 7.15 pagi adalah masa yang kritis. Ketika itu, pendaki gunung baru sampai ke puncak dan sesetengahnya masih dalam perjalanan. Mereka mendaki tebing curam dari Panar Laban ke puncak sejak jam 3 pagi lagi. Kebanyakan mereka berada pada zon cerun curam yang kurang stabil. Gegaran gempa bumi menyebabkan banyak lokasi batuan runtuh dan mereka terperangkap pada zon sangat bahaya ini.

Kebarangkalian untuk berlaku gempa bumi di lokasi dan masa yang boleh mengundang bencana adalah sangat kecil, tetapi tetap boleh berlaku - itulah kelebihan fenomena bencana alam. Inilah peristiwa alam yang seharusnya menjadi pengajaran dan asas kepada usaha kita mengurangkan risiko bencana alam pada masa akan datang.

Kejadian gempa bumi di Gunung Kinabalu kali turut mengundang lebih daripada 50 gempa bumi susulan yang bermagnitud lebih kecil (1.9 hingga 4.5). Ini adalah fenomena biasa berlaku selepas gempa bumi berskala besar. Bergantung kepada saiz gempa bumi, gegaran susulan boleh berlaku selama beberapa hari hingga beberapa bulan. Pakar geologi menggunakan maklumat gempa bumi susulan sebagai rekod untuk menjelaskan ciri-ciri patahan kerak bumi (sesar aktif) untuk menjelaskan punca gempa bumi utama.

Bagi masyarakat, gempa bumi susulan penting kerana gegarannya akan menyebabkan lebih banyak berlakunya jatuh batuan dan kerosakan yang lebih besar kepada prasarana yang telah terganggu oleh gempa bumi utama. Tanpa pengetahuan mengenai bencana gempa bumi, aktiviti gegaran susulan boleh menyebabkan lebih banyak kehilangan nyawa dan kecederaan.

Cukup maklumat saintifik

Pakar geobencana dan pegawai teknikal, khususnya yang bertugas di Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains mempunyai cukup maklumat saintifik kejadian fenomena gempa bumi di negara kita. Soalnya, apakah maklumat ini sudah disalurkan untuk meningkatkan kesedaran awam dan digunakan untuk mengurus usaha mengurangkan risiko bencana alam?

Apabila Timbalan Perdana, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyarankan diwujud sebuah Pusat Bencana Negara, maksud beliau pastinya, sebuah pusat yang boleh respons dengan usaha menterjemah maklumat bencana untuk kesedaran awam dan pengurangan risiko bencana secara berterusan. Majlis Keselamatan Negara (MKN) tidak dapat melakukan peranan ini kerana mereka mempunyai peranan yang lebih luas dan kekurangan sokongan pakar dan teknikal.

Saya cadangkan Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI) yang berada di UKM diberikan mandat ini. Pusat ini diwujudkan oleh UKM sejak tahun 2007, bermatlamat meneliti dan memberi respons mengenai bencana alam dan pengurangan risiko bencana secara terintegrasi. Kita perlu melihat bencana daripada perspektif Asia Tenggara dan impaknya kepada negara kita. SEADPRI adalah rakan kongsi pintar MKN dalam menyelesaikan isu bencana alam negara.

Sudah tiba masa bagi kerajaan memberi perhatian serius untuk menangani isu bencana alam secara holistik, khususnya risiko bencana berdasarkan geologi (gempa bumi dan tanah runtuh) dan bencana berasaskan iklim (banjir dan ribut taufan).

 **Penulis**

ialah Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)

Malim gunung akan diberi latihan hadapi gempa bumi

Kuala Lumpur: Semua malim gunung yang beroperasi di Gunung Kinabalu akan diberi latihan persediaan menghadapi gempa bumi dan cara menyelamatkan diri ketika dan selepas bencana berlaku.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata malim gunung perlu mempunyai banyak pengalaman dalam topografi gunung dan adalah pasukan terbaik membantu kerja menyelamat jika berlaku bencana.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sudah diarah menyelaraskan latihan persediaan dalam program pendidikan awam khusus bagi menghadapi bencana itu.

"JBPM juga akan membekalkan malim gunung dengan peralatan sesuai untuk kerja menyelamat.

"Dengan cara ini, malim gunung boleh membantu kerja awal mencari dan menyelamat jika berlaku gempa bumi," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di laman Face-

Abdul Rahman Dahlan
book miliknya, semalam.

Abdul Rahman berkata, JBPM juga akan meletakkan peralatan menyelamat yang sesuai di kawasan pergunungan itu, antaranya di Laban Rata dan pejabat Taman-Taman Sabah di kaki gunung.



Bincang kod reka bentuk bangunan

Di Johor Bahru, Kementerian Kerja Raya akan membincangkan kod reka bentuk bangunan tahan lasak termasuk mempunyai ciri menyerap gegaran bagi mengurangkan impak gempa bumi yang dicipta penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kod berkenaan hanya dapat dilaksanakan selepas perbincangan kerana membabitkan kos besar.

"Jika sesuai digunakan, ia akan dibahaskan di Parlimen," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia di sini, semalam.

Kelman, Penyelidik Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Seismologi dan Gempa Bumi (e-SEER) UTM, Dr Mariyana Aida Ab Kadir, berkata kajian terperinci berhubung reka bentuk dan kaedahnya sudah dilakukan serta mendapat perakuan JKR dan Jabatan Meteorologi.

Beliau berkata, kaedah khas digunakan termasuk menggunakan pelapik penyerap hentakan yang mampu menyerap gegaran atau pergerakan bumi bagi mengelak struktur bangunan rosak, sekaligus mampu menyelamatkan nyawa.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 9 JUN 2015 (SELASA)



Malim Gunung Kinabalu Wira Sejati - Pemuda BN Sabah

KOTA KINABALU, 8 Jun (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) Sabah menyanjung tinggi peranan dan pengorbanan malim Gunung Kinabalu dalam mencari dan menyelamat pendaki yang terkandas di gunung tertinggi di Asia Tenggara itu dalam kejadian gempa bumi pada Jumaat lalu.

Ketuanya Yamani Hafez Musa berkata Pemuda BN negeri menyifatkan mereka sebagai wira sejati yang wajar diberi penghargaan dan pengiktirafan oleh kerajaan, rakyat dan pelbagai pihak yang lain.

"Malim Gunung Kinabalu yang terlibat dalam operasi itu telah mempertaruhkan nyawa mereka demi membantu menyelamatkan pendaki yang terkandas dan membawa turun mereka yang cedera. Kita amat terhutang budi kepada malim Gunung Kinabalu yang juga lebih dikenali sebagai 'Unsung Heroes'.

"Pemuda BN Sabah menghargai keberanian, kemahiran dan ketangkasaran wira-wira berkenaan dalam misi menyelamat di laluan yang terhalang oleh bongkahan-bongkahan batu. Mereka telah melaksanakan tugas yang amat penting dalam usaha menyelamat ramai pendaki yang terkandas di laluan yang terhalang oleh bongkahan batu itu," katanya dalam kenyataan Isnin.

Yamani Hafez berkata ada antara malim gunung itu terdiri daripada ketua Pemuda UMNO cawangan dan anggota Pemuda UMNO Ranau seperti Rashidi @ Sidut merupakan Ketua Pemuda UMNO Cawangan Kundasang dan Azli Donald ialah Ketua Pemuda UMNO Cawangan Muhibbah di Ranau.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang membantu dalam usaha pencarian, terutamanya malim gunung yang banyak berkorban bagi membantu mangsa gempa bumi.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa mendengar taklimat mengenai bencana itu di Ranau pada Ahad juga menyifatkan malim gunung terbabit sebagai 'unsung heroes' yang telah melakukan tugas kerja yang terbaik.

Beliau berkata kerajaan akan memberi penghargaan terhadap jasa, usaha dan komitmen mereka dalam membantu pasukan penyelamat.

Seramai 250 malim gunung berdaftar di bawah Persatuan Malim Gunung Kinabalu.

Yamani Hafez berkata Pemuda BN Sabah yang menyambut baik cadangan kerajaan untuk memberi penghargaan khas dan sumbangan kepada malim gunung yang terlibat, mencadangkan kerajaan memberi pengiktirafan dengan menyerap Malim Gunung sebagai Emergency Mountain Rangers (EMR) atau Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR) sebagai persiapan menghadapi sebarang kejadian bencana yang tidak diingini di masa akan datang.

"Memandangkan mereka tahu setiap inci permukaan dan kawasan laluan ke puncak Gunung Kinabalu. Mereka akan dibayar elau bulanan dan diberi latihan dan peralatan penyelamat yang lengkap seperti yang dicadangkan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (yang merupakan anggota Parlimen Ranau) Datuk Dr Ewon Ebin**," katanya.

Gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang berlaku di Ranau pada 7.15 pagi Jumaat lepas (5 Jun) itu turut dirasai di kawasan lain seperti Tambunan, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

Setakat semalam (Ahad), 16 orang disahkan terkorban akibat gempa bumi itu manakala dua lagi mangsa masih belum ditemukan.

-- BERNAMA

Aftershocks may go on for some time

KUNDASANG — The Meteorological Department recorded 54 aftershocks following the 5.9-magnitude earthquake in Ranau last Friday.

Sabah Meteorological Department director Abd Malik Tussin said the aftershocks were of 1.6 to 4.5-magnitude.

He said the biggest aftershock was recorded at 7.06pm on Friday.

"Under normal circumstances, when a medium-scale earthquake occurs, there will surely be aftershocks. It is just that we cannot determine how long the aftershocks will go on — it could be for a day, a week or

even months.

"On the first day of the earthquake, there were 30 aftershocks, on Saturday 13 and yesterday (Sunday) 11," he said at the operations centre in Kinabalu Park here yesterday.

"We did not expect so many aftershocks,"

he said.

Asked if there was a possibility of a bigger earthquake, Abd Malik said: "Going by the history of earthquakes throughout the world, there is a very small probability of a bigger one occurring — only between five and 10 per cent," he said. — Bernama

Mt Kinabalu quake a wake-up call to all

THE National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) joins all Sabahans and other Malaysians in extending our heartfelt condolences to the families of those who died on Mount Kinabalu, which was hit by the 5.9 magnitude earthquake.

I pay tribute to all the mountain guides who made tremendous sacrifices to get the terrified mountain trekkers to safety and also help to lead search and rescue teams to find those reported missing.

We are all moved by the reports of mountain guides Robbi Sapingga and Valerian Joannes who died trying to save the lives of other climbers. Their courage and sacrifice must be given due recognition.

Granted that there were shortcomings, but the efforts of all those who were involved with the search and rescue operations under very trying circumstances should be appreciated.

This latest tragedy is a wake-up call to the Government, all departments and agencies, professional bodies and other relevant organisations to reassess whether they have done enough to cope with future quakes since the

Meteorological Department has confirmed that Sabah is at high risk of earthquakes.

Post-mortems will have to be carried out in respect of search and rescue operations to determine what improvements can be made, especially in the area of coordination and communication.

Our emergency response plan has to be reviewed and improved.

Building codes and by-laws need to be looked into with professional input on how buildings can be designed and built to withstand earthquakes. In this regard, we can learn much from our Look-East Policy.

The Government should also listen to constructive criticisms from professionals and organisations to improve our emergency response systems and search and rescue efforts.

Technology should be utilised to devise an early warning system to prepare Malaysia for all major natural disasters such as tsunami, major floods, and earthquakes in the future.

Following the latest quakes, Malaysians, particularly those in Sabah and Sarawak, must realise the time has come for them to be in a constant state of alert.

We must never take our safety for granted. We must be more actively involved in organising and participating in safety drills on an annual basis to cope with any disaster or emergency.

Malaysians who have a lackadaisical attitude towards safety must not only change this but also be prepared to change the attitude of others on safety.

We must emulate the Japanese and Koreans and make time for safety education and all forms of safety drills, whether for earthquakes or other emergencies.

They can learn and benefit from the lessons and prepare them-

selves to cope with any eventuality.

Earthquakes cannot be prevented but the damage they cause can be minimised.

The damage and loss can be limited by the safety steps we take before, during, and after an quake.

The seven steps described below show how we can be safer and also save a lot of money when structures and contents are not damaged. The steps should also be followed in schools, workplaces, and other facilities.

If we all follow these steps, we may save millions of ringgit in the next large earthquake.

More importantly, we can reduce the risk of being injured or killed.

Seven steps to earthquake safety

Step 1. Identify potential hazards in your home and fix them;

Step 2. Create a disaster preparedness plan;

Step 3. Create disaster supplies kits;

Step 4. Identify your building's potential weaknesses and fix them;

Step 5. Protect yourself during earthquake shaking: DROP, COVER, and HOLD ON;

Step 6. After the earthquake, check for injuries and damage; and

Step 7. When safe, continue to follow your disaster-preparedness plan.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman of NIOSH

Rescue training for guides

> Fire and Rescue Dept to provide earthquake preparedness training for them

PETALING JAYA: The Malaysia Fire and Rescue Department (JBPM) will provide earthquake preparedness training to mountain guides at Mount Kinabalu.

Housing and Local Government Minister Datuk Abdul Rahman Dahlan said he has instructed the department to have such a programme.

"The mountain guides are the early responders to a disaster, and proper safety equipment will be provided for rescue work," he said in a statement yesterday. "In this way, the guides can help out in the initial search and rescue work."

He also said the department would have safety equipment on the mountain, such as at Laban Rata and the Taman Sabah office at the foot of the mountain.

Meanwhile, the Works Ministry will send a team of building forensic experts to

Sabah today to check on the damaged school buildings following last Friday's earthquake incident.

Its minister, Datuk Seri Fadillah Yusof, said about three to five such experts will fly to Sabah to help the state's forensic team in speeding up the work.

The 5.9 magnitude earthquake that hit Ranau last Friday was the highest on record so far and with climate change, more severe levels might occur in future, he said after opening the JKR senior officers' conference in Johor Baru yesterday.

He said in some areas in Sabah such as Ranau it was critical to have building codes which takes into account earthquake resistant features for buildings.

He added that discussions on coming out with such a code would be completed by year-end and the final draft will be submitted to the Cabinet for approval.

He said the UTM earthquake and seismology centre has conducted detailed studies on the code which has been endorsed by the Meteorological Department and Public Works Department.



Kolam, sungai jadi hitam

» Air Panas Poring kini lengang selepas kejadian gempa Jumaat lalu



Ranau

Warna air di Air Panas Poring dekat sini bertukar kehitaman pada hari gempa bumi bermagnitude 5.9 melanda, Jumaat lalu.

Pekerja pusat pelancongan itu, Jukin Goupi, 46, berkata warna air panas dan sungai di kawasan terbabit bertukar kehitaman sebaik gegaran berlaku.

Bagaimanapun, katanya, keadaan pulih seperti sedia kala keesokannya.

"Sepanjang lebih 20 tahun bekerja di sini, ini kali pertama saya melihat warna air bertukar menjadi hitam dan berlumpur di kolam tadahan air panas serta sungai kecil sekitar kawasan Poring."

Jernih kembali

"Ia kembali jernih sehari selepas itu walaupun berlaku gempa susulan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan BH ke kolam air



Kehitaman air ini berlaku selepas gempa bumi yang mengguncang Ranau pada Jumaat lalu.

[FOTO POLIANA RONNIE SIDOM/BH]

panas yang terletak 35 kilometer (km) dari pusat gempa bumi mendapati, warna air di kawasan berkenaan seperti biasa tetapi bilangan pengunjung berkurangan.

Beberapa kawasan tarikan lain di sekitar Hot Spring Poring termasuk jambatan kanopi, Taman Kupu-Kupu dan laluan air terjun Langganan ditutup sementara dipercayai kerana mengalami kerosakan akibat gempa bumi.

Pengunjung berkurangan

Jukin berkata, bilangan pengunjung berkurangan sejak hari pertama gempa bumi dengan anggaran 200 hingga 300 orang datang dalam sehari berbanding lebih 1,000 orang sehari sebelum ini.

Sebelum ini, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, dilaporkan berkata, pertukaran warna air menjadi kehitaman adalah fenomena biasa selepas berlaku gempa bumi berikutan percampuran air dengan tanah dan lumpur.



Notis penutupan kawasan tarikan lain di sekitar Air Panas Poring, Ranau.